

## PERMASALAHAN QADA' SOLAT YANG DITINGGALKAN SECARA SENGAJA: SATU SOROTAN KAJIAN

Hasna Bidin<sup>1</sup>, Mohd Nor Firdaus Omar<sup>1</sup> & Mohd Nazari Khalid  
@ Abu Samah<sup>1</sup>

### E-JITU

Acceptance date:  
15<sup>th</sup> October 2020

Valuation date:  
15<sup>th</sup> November 2020

Publication date:  
15<sup>th</sup> December 2020

### ABSTRACT

*This study discusses the issues of Qada' and intentional abandonment of Qada' prayer, whether it is compulsory to Qada' or not. This is due to the fact that there are still some misunderstandings among Muslims towards Qada' prayers. They think that Qada' is only for those who accidentally missed their prayers due to Syar'ie sickness such as being forgetful or oversleep. Meanwhile, deliberate abandonment of prayers to cater to business and laziness are not needed to perform Qada'. The person only needs to repent and to pray to Allah SWT for forgiveness as well as to increase the practices of circumcision. This study is aimed at focusing on the real understandings of Qada', the difference between Qada' prayer with Adha' and the jurisdiction of performing Qada' in solat Fardhu either after deliberately or accidentally abandoning it because of Syar'ie uzur. The researchers then will discuss the ulamas' discussions regarding the law of Qada' in Fardhu prayers with regards to intentional abandonment of normal scheduled prayers. The method used in this study is a library-study-based on reference materials such as books and publications published on this topic. Analysis used is deductive methodology which is to draw a specific conclusion from the general information. The results obtained from this study show that it is an obligation to Qada' Fardhu prayers after it is intentionally abandoned, and this statement is strongly backed up by the opinions of the Muslim scholars. In conclusion, Qada' prayer is absolutely mandatory whether deliberately or inadvertently not being able to perform prayers according to the actual time. This is because prayer is Allah S.W.T.'s rights that must be fulfilled and is a payable debt to the person who ignores it.*

*Keywords:* *Qada' prayer, Qada' and Adha', fatwa syari'e, jumhur ulama'. Istighfar*

<sup>1</sup> Senior education officer of Bandar Penawar Community College, hasnabinbidin@yahoo.com.

**ABSTRAK**

*Kajian ini membincangkan tentang permasalahan Qada' solat yang ditinggalkan dengan sengaja sama ada ia wajib diqada'kan semula atau sebaliknya. Hal ini timbul kerana masih terdapat di kalangan masyarakat Islam yang keliru terhadap kewajipan mengqada'kan solat. Mereka beranggapan bahawa Qada' hanya wajib dilakukan pada solat yang ditinggalkan dengan tidak sengaja disebabkan uzur Syar'ie seperti terlupa dan tertidur sahaja. Manakala solat yang ditinggalkan dengan sengaja seperti kesibukan dan malas tidak wajib diqada'kan tetapi hanya perlu bertaubat dan beristighfar kepada Allah SWT bagi memohon keampunan disamping memperbanyakkan amalan-amalan sunat. Kajian ini bertujuan memberi tumpuan kepada kefahaman sebenar mengenai Qada', perbezaan Qada' solat dengan Adha' serta hukum mengqada'kan solat Fardhu yang ditinggalkan dengan sengaja dan tidak sengaja disebabkan uzur Syar'ie. Seterusnya penyelidik akan memuatkan perbincangan ulama' berkaitan hukum mengqada'kan solat Fardhu yang ditinggalkan dengan sengaja. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan dengan berpandukan kepada bahan rujukan seperti buku-buku dan jurnal-jurnal penerbitan berkaitan tajuk ini. Analisis adalah menggunakan metodologi deduktif iaitu membuat kesimpulan khusus daripada maklumat yang umum. Hasil yang diperolehi daripada kajian ini menunjukkan bahawa wajib mengqada'kan solat Fardhu yang ditinggalkan dengan sengaja menurut pendapat terkuat dalam kalangan jumhur ulama'. Secara kesimpulannya, hukum Qada' solat adalah wajib secara mutlak sama ada solat yang ditinggalkan itu adalah dengan sengaja atau pun tidak sengaja. Hal ini disebabkan solat merupakan hak Allah SWT yang mesti ditunaikan dan merupakan hutang yang wajib dibayar ke atas orang yang mengabaikannya.*

*Kata kunci : Qada' solat, Qada' dan ada', uzur syari'e, jumhur ulama'.*

## PENDAHULUAN

### Pengenalan

Umum sudah mengetahui tentang kewajipan solat Fardhu yang mesti ditunaikan di dalam waktunya. Hal ini merupakan sebahagian daripada syarat sah solat yang mesti dipatuhi oleh setiap Muslim bagi memastikan solatnya itu sah dan diterima oleh Allah SWT. Perbuatan melaksanakan solat Fardhu di luar waktu dikenali sebagai Qada' (Ibnu Qayyim,1998:93). Hal ini berlaku dalam dua keadaan sama ada dengan sengaja seperti sibuk dengan urusan lain dan suka melengah-lengahkan solat hingga luput waktunya atau berlaku dengan tidak sengaja seperti terlupa atau tertidur.

Qada' solat ini akan terjadi apabila seseorang itu telah luput solat-solat Fardhu sama ada ditinggalkan dengan sengaja atau tidak sengaja. Begitu juga keadaannya dengan seseorang yang tidak mendapat sekurang-kurangnya serakaat atau lebih dalam satu-satu waktu solat. Keadaan ini juga boleh menyebabkan solat yang ditunaikan oleh seseorang itu bertukar menjadi Qada' sekalipun permulaan solat tadi masih dilakukan dalam waktunya.

Pelaksanaan Qada' adalah wajib bagi mereka yang telah tertinggal solat-solat Fardhu sama ada dengan sengaja atau sebaliknya. Di dalam hal ini, para ulama' bersepakat mengenai kewajipan melakukan Qada' solat yang telah ditinggalkan dengan tidak sengaja seperti tertidur dan terlupa. Namun para ulama' berselisih pendapat mengenai Qada' solat yang ditinggalkan dengan sengaja. Perbincangan mengenainya akan dijelaskan dalam topik-topik berikutnya agar para pembaca akan memahaminya dengan lebih mendalam tentang permasalahan Qada' solat dan hukum-hukumnya.

Disamping itu, perlu diingatkan kepada para pembaca sekalian yang terdiri dari masyarakat Muslim agar tidak sewenang-wenangnya menjadikan amalan Qada' solat sebagai kebiasaan. Amalan sedemikian ini jika dijadikan kebiasaan dibimbangi akan melahirkan umat Islam yang malas dalam beribadah sekaligus akan melemahkan iman mereka kerana puncak kepada kekuatan iman dan kejayaan setiap mukmin itu dilihat dari pengamalan ibadah solat dalam kehidupan mereka seharian. Jika setiap Muslim itu sentiasa menjaga solatnya iaitu memelihara waktu solat, maka akan menjadi kuat imannya dan baik akhlaknya. Sebaliknya jika setiap Muslim itu suka melewatkan dan meninggalkan solat, maka akan runtuhlah imannya dan rosak akhlaknya. Sesungguhnya Allah SWT telah memerintahkan setiap Muslim dan mukmin agar menjaga dan memelihara solat mereka dalam kehidupan seharian kerana ia merupakan ciri-ciri utama orang yang beriman dan orang yang berjaya di dunia dan akhirat.

## KONSEP QADA' DALAM ISLAM

### Definisi Qada'

Pengertian Qada' dari sudut bahasa ialah mengerjakan sesuatu atau mengakhiri sesuatu. Menurut istilah Fiqh pula, Qada' ialah mengerjakan ibadat sesudah keluar waktunya seperti mengerjakan solat setelah keluar waktunya kerana terdapat keuzuran-keuzuran yang tertentu (Mustafa al-Bugha *et.al*, 1996:116). Setengah fuqaha' berpendapat bahawa "Qada' diharuskan apabila seseorang tidak berpeluang untuk mengerjakan sekurang-kurangnya satu rakaat atau lebih di dalam satu-satu waktu solat."

### Hukum Qada' Solat

Menurut pendapat jumhur fuqaha', hukum mengerjakan Qada' adalah wajib ke atas seseorang Islam yang meninggalkan Solat Fardhu sama ada sengaja atau tidak (Mustafa Bugha *et.al*, 1996:111). Ia merangkumi solat Fardhu yang ditinggalkan dengan kecuaian seperti malas serta sibuk dengan urusan-urusan lain dan solat yang ditinggalkan disebabkan uzur Syar'ie seperti tertidur dan terlupa.

### Perbezaan Qada' Dengan Adha'

Adapun perbezaan Qada' dan Adha' ialah Qada' (ganti) membawa pengertian kepada solat yang dilakukan di luar waktu atau solat yang dilakukan di dalam waktunya akan tetapi kurang dari satu rakaat di dalam satu-satu waktu solat. Manakala adha' (tunai) membawa pengertian solat yang dilakukan di dalam waktunya sekurang-kurangnya satu rakaat atau lebih (Mustafa Bugha *et. al*, 1996:116).

Adapun adha' (tunai) merangkumi bahagian-bahagian waktu dalam solat mengikut keutamaan dan kelebihan yang dikenali sebagai waktu fadhilah, ikhtiar, uzur dan makruh. Manakala Qada' (ganti) tergolong dalam bahagian waktu yang dikenali sebagai tahrim.

## PERBINCANGAN ISU QADA' SOLAT

Adapun sebab-sebab yang mewajibkan Qada' solat ialah keuzuran-keuzuran yang dianggap oleh syara' sebagai sebab-sebab yang mewajibkan seseorang menggantikan semula solat setelah hilangnya keuzuran tersebut. Ia dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu keuzuran yang diharuskan oleh syara' dan keuzuran yang tidak diharuskan oleh syara'. Keuzuran yang dibenarkan oleh Syara' ialah seperti terlupa dan tertidur sebaliknya keuzuran yang ditegah Syara' adalah kecuaian disebabkan malas dan sibuk dengan urusan keduniaan (Mohd Suhardi, 2004:137).

## QADA' SOLAT YANG DITINGGALKAN DENGAN SEBAB UZUR

Menurut pendapat ulama', seseorang yang meninggalkan solat kerana wujud sebab-sebab yang diharuskan oleh syara' seperti terlupa atau tertidur hukumnya tidak berdosa dan tidak tergolong sebagai perbuatan maksiat terhadap Allah SWT tetapi diwajibkan pula ia mengerjakan sembahyang yang telah ditinggalkan apabila ia ingat dan itulah waktu bagi sembahyangnya yang ditinggalkan. Namun, menurut Imam Nawawi, hukum menyegerakan Qada' solat adalah sunat bagi golongan ini kerana mereka meninggalkan solat kerana uzur Syar'ie.

Perintah ini adalah bersandarkan kepada sebuah hadith Rasulullah SAW yang telah diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, Bukhari dan Muslim daripada Anas bin Malik RA, iaitu (Abu Daud, 1995:442; Bukhari, 2001:597; Muslim, 1999:684):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ نَسِيَ صَلَاةً فَلْيُصَلِّهَا إِذَا ذَكَرَهَا لَا كَفَارَةَ لَهَا إِلَّا ذَلِكُ

*Maksudnya: Dari Anas bin Malik RA, katanya; bahwa Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa lupa mengerjakan sesuatu sembahyang, maka hendaklah ia mengerjakannya apabila ia teringat akan sembahyang (yang tertinggal) itu, tiada baginya kaffarah (penebusnya) melainkan mengerjakan sembahyang itu.*

*(Riwayat Bukhari, Muslim dan Abu Daud)*

Hadith di atas menjelaskan tentang kewajipan melakukan solat yang telah luput dengan sebab tidur dan terlupa mengikut kesepakatan ulama'. Ulama'-ulama' juga menyatakan "sesungguhnya solat yang ditinggalkan dalam waktunya disebabkan keuzuran syari'e seperti tidur dan lupa, maka perlaksanaan solat tersebut selepas keluar waktunya adalah dianggap tunai bukannya Qada' dengan syarat solat tersebut dilakukan segera apabila teringat." (Al-Syaukani, 2003:477).

Berdasarkan kepada keterangan hadith di atas adalah nyata bahawa Qada' diperbolehkan sebagai satu jalan untuk mengantikan semula solat-solat yang terluput apabila terdapat keuzuran-keuzuran tertentu yang diharuskan oleh syara' seperti tidur atau terlupa.

## QADA' SOLAT YANG DITINGGALKAN DENGAN SENGAJA

Sebaliknya, jika seseorang meninggalkan solat dengan sebab-sebab yang tidak diharuskan oleh syara' seperti seseorang meninggalkan solat dengan sebab malas, menangguhkan solat sehingga terluput waktunya, maka para ulama' telah berselisih pendapat di dalam menentukan hukum Qada' terhadap mereka ini, adakah

diwajibkan Qada' atau sebaliknya. Di dalam menghuraikan persoalan ini, para ulama' telah berselisih pendapat kepada dua kelompok besar iaitu:

**Pendapat pertama: Wajib mengqada'kan solat yang tertinggal**

Pendapat ini dipelopori oleh jumhur ulama' yang terdiri daripada Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafi'e dan Imam Ahmad ibn Hanbal. Mereka berhujah dengan menyatakan bahawa wajib ke atas orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja untuk menggantikan semula solat-solatnya yang terluput. Akan tetapi, Qada'nya itu sama sekali tidak boleh menggugurkan dosa meninggalkan solat dengan sengaja bahkan mereka tetap berhak mendapat seksaan Allah SWT di akhirat kelak. Oleh itu, mereka dikehendaki bertaubat kepada Allah SWT di atas dosa mereka meninggalkan solat dengan sengaja di samping menggantikan semula solat-solat yang terluput sebelum ini (Ibn Qayyim, 1998:93). Hal ini bersandarkan kepada hadith Rasulullah SAW yang telah diriwayatkan oleh Imam Nasaei, Tirmidzi dan Ibn Majah daripada Abi Qatadah RA, iaitu (Nasaei, 2003:615; Tirmidzi, t.t:177; Ibn Majah, 1998:698) :

عن أبي قتادة رضي الله عنه قال: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّهُ لَيْسَ فِي النَّوْمِ تَفْرِيطٌ إِنَّمَا التَّفْرِيطُ فِي الْيَقْظَةِ

*Maksudnya: "Dari Abi Qatadah RA, katanya; bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: "Sesungguhnya ketahuilah bahawa keadaan tertidur bukanlah satu kecuaian tetapi kecuaian ialah dalam keadaan jaga"*

*(Riwayat Tirmidzi, Nasaei dan Ibn Majah)*

Berdasarkan hadith di atas dapat difahami bahawa sesungguhnya orang yang tidur tidak dikenakan taklif syara' ke atas dirinya sepanjang tidurnya. Dan zahir hadith menunjukkan bahawa tidak dianggap kecuaian pada tidur sama ada sebelum waktu solat atau selepasnya sekiranya waktu solat masih panjang (Al-Syaukani, 2003:477).

Kesimpulan daripada huraian tentang maksud hadith di atas menunjukkan bahawa meninggalkan solat atas sebab-sebab yang diharuskan syara' seperti tertidur dan lupa tidaklah berdosa kerana tidak dianggap sebagai kecuaian. Sebaliknya jika solat ditinggalkan dengan sengaja seperti malas dan lainnya, maka perbuatan tersebut dikira berdosa sebab meninggalkan solat dalam keadaan sedar dan ia merupakan satu kecuaian.

Perbincangan dalil: Hadith di atas tidak boleh dijadikan dalil untuk mewajibkan Qada' solat kerana hadith tersebut sebenarnya menjelaskan tentang hukum berdosa bagi orang yang meninggalkan sesuatu taklif syara' termasuk solat dengan sengaja dan tidak berdosa bagi orang yang meninggalkannya kerana uzur

syari'e seperti tidur dan lupa. Hal ini bertepatan dengan sepotong hadith Rasulullah SAW yang berbunyi:

"رفع القلم عن ثلات : عن النائم حتى يستيقظ وعن الصبي حتى يختلم وعن المجنون حتى يعقل"

Dalil yang kedua adalah bersandarkan kepada hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, Bukhari dan Muslim daripada Anas bin Malik RA, iaitu (Abu Daud, 1995:442; Bukhari, 2001:597; Muslim, 1999:684) :

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رضيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ نَسِيَ صَلَاةً فَلْيُصَلِّهَا إِذَا ذَكَرَهَا لَا كَفَارَةَ لَهَا إِلَّا ذَلِكُ

*Maksudnya: Dari Anas bin Mali RA, katanya; bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa lupa mengerjakan sesuatu sembahyang, maka hendaklah ia mengerjakannya apabila ia teringat akan sembahyang (yang tertinggal) itu, tiada baginya kaffarah (penebusnya) melainkan mengerjakan sembahyang itu.*

(Riwayat Bukhari, Muslim dan Abu Daud)

Hadith di atas menjadi dalil bahawa solat yang ditinggalkan dengan sengaja adalah wajib digantikan semula berdasarkan kepada kewajipan Qada' ke atas orang yang meninggalkannya dengan tidak sengaja disebabkan uzur Syar'ie seperti lupa dan tertidur. Mengqiaskan kewajipan Qada' solat dari orang yang tidak sengaja meninggalkannya disebakan uzur dengan orang yang sengaja meninggalkannya adalah lebih utama sebagaimana mengqiaskan kewajipan Qada' puasa Ramadhan bagi orang meninggalkannya disebabkan uzur Syar'ie seperti musafir dan sakit dengan orang yang meninggalkannya dengan sengaja.

Cuma yang membezakan di antara kedua-dua golongan ini adalah sama ada berdosa atau tidak berdosa. Bagi golongan yang meninggalkan kewajipan syara' seperti solat atau puasa disebabkan uzur Syar'ie, maka mereka tidak berdosa sama sekali tetapi tetap berkewajipan untuk mengqada'kannya. Sebaliknya bagi golongan yang meninggalkan perintah syara' dengan sengaja seperti solat atau puasa, maka mereka dikira berdosa dan Qada' solat sama sekali tidak menggugurkan dosa mereka sekalipun mereka wajib berbuat demikian. Selain itu, mereka juga berkewajipan untuk bertaubat dan beristighfar bagi menghapuskan dosa tersebut (Ibn Qayyim, 1998:93).

Perbincangan dalil: Mengqiaskan Qada' solat orang yang meninggalkannya disebabkan uzur Syar'ie seperti tertidur dan lupa dengan orang yang sengaja meninggalkan solat seperti sibuk dan malas adalah qias yang bercanggah dengan akal dan nas syarak serta bertentangan dengan Al-Quran dan As-Sunnah di atas beberapa sebab. Pertamanya menyamakan perbuatan yang dibenarkan oleh syara'

seperti uzur Syar'ie dengan perbuatan yang dilarang oleh syara' iaitu cuai dan sengaja adalah amat bertentangan dengan ajaran Islam. Keduanya tidak diragukan lagi bahawa sumber-sumber syariah telah membezakan dan memisahkan antara orang yang sengaja dengan yang tidak sengaja, orang yang uzur dengan yang sihat dari sudut hukum melibatkan perintah, larangan, dosa dan pahala. Ketiganya orang yang meninggalkan solat disebabkan uzur Syar'ie sebenarnya mereka bukan diperbolehkan solat di luar waktu tetapi mereka masih lagi menunaikannya di dalam waktu iaitu pada ketika ingat dan jaga. Waktu tersebut hanya di khususkan oleh Allah SWT kepada mereka sahaja atas dasar rahmat Allah SWT disebabkan uzur Syar'ie. Jangan sekali-kali menyalah anggap rahmat Allah SWT tersebut diberikan kepada golongan yang sengaja meninggalkan solat dan cuai kerana mereka ini sepatutnya tidak diberikan ruang sama sekali akibat berbuat dosa dan maksiat dengan sengaja (Ibn Qayyim, 1998:164 – 165).

Dalil yang ketiga adalah bersandarkan kepada hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Muslim dari Abdullah Ibn Abbas RA, iaitu (Muslim, 1999:1148):

جاء رجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أُمِّي مَاتَتْ، وَعَلَيْهَا صَوْمُ شَهْرٍ،  
أَفَأَفْضِلُهُ عَنْهَا قَالَ "نَعَمْ قَالَ فَدِينُ اللَّهِ أَحَقُّ أَنْ يُفْضَلَ"

*Maksudnya: Telah datang seorang lelaki datang kepada Nabi SAW, lalu berkata: Wahai Rasulullah, Sesungguhnya ibuku telah meninggal, dan dia mempunyai puasa (yang belum diganti) selama sebulan, apakah aku perlu tunaikan untuknya? Lalu baginda berkata: "Ya". Maka berkata Nabi SAW: "Hutang kepada Allah lebih berhak untuk ditunaikan"*

(Riwayat Muslim)

Berdasarkan hadith di atas ini secara umumnya memerintahkan agar membayar setiap hak atau hutang Allah SWT termasuk diantaranya solat, puasa atau lainnya yang tertinggal sama ada disengajakan atau tidak. Oleh itu, para ulama' bersepakat bahawa sekiranya ditinggalkan berpuasa dalam sehari pada bulan Ramadhan dengan sengaja tanpa sebarang keuzuran, maka wajib ke atas orang yang meninggalkannya itu untuk melakukan Qada' dan demikian juga halnya dengan solat Fardhu lima waktu seharian (al-Qurthubi, 2000:119-120). Selain itu, hal yang sama juga berlaku ke atas suami yang menyebuhui isterinya di siang Ramadhan dengan sengaja mengakibatkan suami dikenakan kaffarah (denda) berpuasa selama dua bulan berturut-turut selain Qada' puasa sehari yang terbatal dan rosak dengan perbuatan tersebut. Oleh yang demikian, kedua situasi tesebut di atas membuktikan bahawa perbuatan meninggalkan ibadat wajib dengan sengaja termasuk solat atau puasa mewajibkan Qada' dan ianya bertepatan dengan petunjuk Al-Quran dan Al-Sunnah (Al-Nawawi, tt:71).

Perbincangan dalil: Sekiranya orang yang meninggalkan solat dengan sengaja dikira sebagai orang yang telah melakukan solat setelah keluar waktunya dengan mengqada'nya di luar waktu, nescaya sia-sialah ancaman Allah SWT kepada golongan yang meninggalkan solat serta adanya kebinasaan untuk mereka (Ibn Hazm, tt:10-11). Hal ini diperkuatkan lagi dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Ma'un ayat 4-5 yang berbunyi:

فَوَيْلٌ لِّلْمُصَلِّيْنَ ( ٤ ) الَّذِيْنَ هُمْ عَنْ صَلَاةِهِمْ سَاهُوْنَ ( ٥ )

*Maksudnya: (Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang yang ahli sembahyang. Iaitu mereka berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya.*

*(Surah al-Ma'un, 107:4-5)*

Selain itu, penggunaan dalil bagi kewajipan Qada' dalam menyamakan orang yang meninggalkan solat secara sengaja dengan orang yang uzur seperti terlupa dan tertidur seumpama menyamakan orang yang melakukan solat dalam waktunya dengan orang yang melakukannya di luar waktunya sedangkan hakikatnya kedua-dua golongan ini adalah berbeza sama sekali di antara taat dan ingkar serta pahala dan dosa. Hujah yang sedemikian ini sangat lemah serta bercanggah dengan Al-Quran dan Al-Sunnah.

### **Pendapat kedua : Tidak dibolehkan untuk mengqada' solat yang tertinggal**

Pendapat ini dipelopori oleh Daud Zahiri, Ibn Taimiyyah, Imam as-Syaukani dan Ibn Hazm. Mereka berhujah dengan menyatakan bahawa seseorang yang meninggalkan solat dengan sengaja, maka tidak wajib bagi mereka untuk mengqada'kan solat yang telah ditinggalkan. Malah jika mereka mengqada'kannya nescaya amalan mereka tersebut sama sekali tidak diterima oleh Allah SWT (Hanafi Mohamed, 2006:63-64).

Perkara yang perlu dilakukan oleh orang-orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja ialah memperbanyakkan sembahyang sunat dan membuat kebijakan agar berat timbangannya di akhirat. Juga dituntut ke atas mereka untuk banyak beristighfar, bertaubat dan memohon keampunan kepada Allah SWT agar diampuni segala kesalahan dan dosa mereka itu." Mereka berhujah dengan nas al-Quran firman Allah SWT yang berbunyi:

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهَوَاتِ فَسَوْفَ يَأْلَمُونَ عَيْنًا

*Maksudnya: Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka)*

(Surah al-Maryam, 19:59)

Di dalam mentafsirkan ayat ini, para mufassir menjelaskan tentang akan datang satu generasi lain yang mengabaikan solat dengan mengutamakan kesyahwatan dunia dan kelazatannya. Di sini para ulama' berselisih pendapat tentang maksud "mensia-siakan solat" yang mana sebahagian mereka memahaminya sebagai meninggalkan solat secara keseluruhannya manakala sebahagian lain berpendapat sebagai mengabaikan waktu dengan menunaikan solat di luar waktunya (Ibn Kathir, tt:457-458). Kesimpulannya orang yang meninggalkan solat dengan sengaja akan menanggung dosa di dunia dan bakal menghadapi kesengsaraan di akhirat. Oleh itu, mereka di tuntut untuk beristighfar dan memohon keampunan kepada Allah SWT di dunia agar segala dosa mereka diampuni oleh Allah SWT. Di samping itu, mereka perlu memperbanyak amalan sunat dan kebajikan bagi menampung dosa akibat meninggalkan solat dengan sengaja.

Perbincangan dalil: Solat yang ditinggalkan dengan sengaja tidak wajib diqada'kan adalah amat bertentangan dengan syarat dan rukun taubat yang menetapkan supaya orang yang melakukan dosa besar tidak hanya cukup sekadar menyesali dosa tersebut tetapi hendaklah disertai dengan berhenti dari melakukannya serta berazam agar tidak mengulanginya lagi. Bagaimana sesuatu dosa itu akan terhenti dan tidak diulangi lagi jika tidak digantikan semula apa yang telah ditinggalkan. Menyesali semata-mata sesuatu dosa yang telah dilakukan dengan beristighfar, solat sunat dan melakukan kebajikan lain tanpa menggantikan apa yang telah ditinggalkan sebelum ini adalah merupakan ciri-ciri dosa kecil sedangkan meninggalkan solat dalam merupakan dosa-dosa besar dengan ijma' ulama' (Mustafa Bugha, 1996:111).

Seterusnya dalil yang tidak mewajibkan Qada' solat yang tertinggal dengan sengaja adalah berdasarkan hadith Rasulullah SAW yang telah diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, Bukhari dan Muslim daripada Anas bin Malik RA, iaitu (Abu Daud, 1995:442; Bukhari, 2001:597; Muslim, 1999:684):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رضيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ نَسِيَ صَلَاةً فَلْيُصَلِّهَا إِذَا ذُكِرَهَا لَا كُفَّارَةَ لَهَا إِلَّا ذَلِكُ

*Maksudnya: Dari Anas bin Malik RA, katanya; bahwa Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa lupa mengerjakan sesuatu sembahyang, maka hendaklah ia mengerjakannya apabila ia teringat akan sembahyang (yang tertinggal) itu, tiada baginya kaffarah (penebusnya) melainkan mengerjakan sembahyang itu.*

*(Riwayat Bukhari, Muslim dan Abu Daud)*

Hadith di atas menjelaskan tentang kewajipan melakukan solat yang telah luput dengan sebab tidur dan terlupa mengikut kesepakatan ulama'. Beliau juga menyatakan bahawa solat yang ditinggalkan dengan keuzuran-keuzuran tersebut tidak dianggap berdosa. Oleh itu, Qada' diperbolehkan sebagai satu jalan untuk menggantikan semula solat-solat yang terluput apabila terdapat keuzuran-keuzuran tertentu yang diharuskan oleh syara' seperti tidur atau terlupa (Al-Syaukani, 2003:477).

Perbincangan dalil: Pandangan ini sama sekali bercanggah dengan sunnah dan amalan Rasulullah SAW di zaman baginda apabila senario tersebut berlaku dalam kehidupannya. Hal ini dibuktikan dengan peristiwa yang terjadi dalam peperangan khandak (parit) dimana baginda dan para sahabat telah tertinggal solat asar disebabkan peperangan. Setelah itu, baginda mengqada'kan solat asar yang telah ditinggalkan itu sesudah matahari terbenam dan sebelum solat maghrib secara berjemaah (Hanafi Mohamed, 2006:46). Peristiwa di atas menjadi dalil bahawa solat Fardhu wajib diqada'kan jika di tinggalkan dengan sengaja tanpa uzur syari'e menunjukkan betapa besarnya dosa meninggalkan solat yang tidak hanya cukup sekadar menebusnya dengan solat sunat dan beristighfar. Selain itu, hadith di atas mempunyai dua dilalah (pendalilan) iaitu secara *mantuq* (tersurat) menunjukkan bahawa Qada' solat adalah wajib bagi orang yang meninggalkannya disebabkan uzur seperti tertidur atau terlupa. Pendalilan berikutnya adalah secara *mafhum* (tersirat) dengan *mafhum muwafaqah* melalui jalan *fahwal khitab* atau *qiyyas aulawi* iaitu menghubungkan wajib Qada' solat ke atas orang yang meninggalkannya dengan sengaja adalah lebih utama. Oleh itu, jika yang meninggalkan solat dengan sebab keuzuran atau halangan wajib mengqada'kannya, maka sudah tentu lebih utama kewajipannya ke atas yang meninggalkannya dengan sengaja tanpa sebarang keuzuran (Hilmi Ismail, 2010:75).

Adapun dalil ketiga yang tidak mewajibkan Qada' adalah hadith yang diriwayatkan oleh Tirmidzi dari Abu Hurairah RA yang berbunyi:

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحْسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عَمَلِهِ صَالِثٌ فَإِنْ صَلَحَتْ فَقَدْ أَفْلَحَ وَأَنْجَحَ وَإِنْ فَسَدَتْ فَقَدْ حَابَ وَخَسَرَ فَإِنْ انتَفَصَ مِنْ فَرِيضَتِهِ شَيْءٌ قَالَ الرَّبُّ عَزَّ وَجَلَّ انْظُرُوا هَلْ لِعَبْدِي مِنْ تَطْوِعٍ فَيُكَمِّلَ بِهَا مَا انتَفَصَ مِنْ الْفَرِيضَةِ ثُمَّ يَكُونُ سَائِرُ عَمَلِهِ عَلَى ذَلِكَ

Maksudnya: Dari Abu Hurairah RA, katanya; bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya amal yang mula-mula sekali dihisabkan seseorang pada hari qiamat mengeninya ialah sembahyangnya, jika sembahyangnya diterima maka sesungguhnya beruntung dan berjaya ia, dan jika sembahyangnya tidak diterima maka kecewa dan rugilah dia. Kiranya terkurang dari sembahyang Fardhunya sesuatu, tuhan berfirman: 'periksalah, adakah hambaku itu mempunyai sembahyang-sebahyang sunat untuk dicukupkan dengannya apa yang terkurang dari sembahyang Fardhunya?" Demikianlah keadaan amal-amalnya yang lain."

(Riwayat Tirmidzi)

Hadith di atas tidak membolehkan Qada' solat tetapi hendaklah memperbanyakkan solat sunat dan beristighfar kerana amalan-amalan tersebut adalah sebagai penebus kepada dosa meninggalkan solat fardhu dengan sengaja. Perbuatan menggantikan solat fardhu yang ditinggalkan dengan sengaja adalah sia-sia dan tidak diterima oleh Allah SWT (Ibn Hazm, tt:235-244).

Perbincangan dalil: Hujah di atas adalah lemah dan diragui kerana hadith tersebut menjelaskan bahawa amalan sunat hanya akan menampung kekurangan solat fardhu yang dilakukan sekiranya terdapat kelalaian, kecacatan dan tidak sempurna bukannya penebus dosa dari solat Fardhu yang telah ditinggalkan dengan sengaja (Al-Asqalani, 1997:132-133).

## RUMUSAN PERBINCANGAN TERHADAP PENDAPAT YANG RAJIH

Berdasarkan kepada pendapat para fuqaha' di atas, dapatlah dirumuskan bahawa para fuqaha' mempunyai perbezaan pendapat di dalam menentukan hukum Qada' terhadap seseorang Islam yang meninggalkan solat Fardhu dengan sengaja. Secara umumnya, pendapat-pendapat mereka dapat dibahagikan kepada dua mazhab iaitu satu golongan yang memperbolehkan Qada', manakala satu golongan yang lain tidak memperbolehkan Qada'. Dalam menjelaskan permasalahan ini, penulis bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa solat Fardhu yang ditinggalkan adalah wajib digantikan semula dengan beberapa pandangan ulama' Islam yang muktabar dan kontemporari sepetimana berikut:

(1) Pandangan jumhur (majoriti) ulama' yang terdiri daripada Imam Abu Hanifah, Imam al-Syafi'e, Imam Ahmad dan Imam Malik yang menyatakan bahawa seseorang yang meninggalkan solat dengan sengaja hendaklah menggantikan semula solat-solat yang terlupakan dahulu. Pendapat ini turut diperakui oleh Imam

Nawawi dengan menyatakan bahawa telah ijmak ulama' memfatwakan bahawa sembahyang yang ditinggalkan dengan sengaja adalah wajib diqada' dengan segera. Fatwa inilah yang bersesuaian dengan al-Quran dan al-Sunnah (t.t:76). Oleh yang demikian, dinukilkhan hujah Imam Nawawi yang merupakan ulama' terkemuka mazhab syafi'e dalam menolak kesemua fatwa yang dikemukakan oleh para fuqaha' yang mengatakan bahawa tidak wajib Qada' sembahyang yang ditinggalkan secara sengaja dengan beberapa jawapan dan alasan (Drs. Hanafi Mohamed: 2006:64-65)

- a. Adalah suatu keganjilan pendapat sebahagian fuqaha' mazhab yang mengatakan bahawa tidak wajib Qada' sembahyang yang telah ditinggalkan tanpa keuzuran dan menganggap Qada' sembahyang itu sebesar-besar keburukan yang melanggar hukum. Hal ini merupakan kesilapan fatwa dan suatu kekurangan ilmu pengetahuan.
- b. Pendapat fuqaha' yang mengatakan bahawa tidak wajib Qada' sembahyang yang telah ditinggalkan dengan sengaja adalah tidak tepat, melampau dan tidak wajar.
- c. Pendapat ibn Hazm dalam soal ini menentang ijmak imam-imam mujtahid dan segala dalil-dalil yang dikemukakan oleh beliau adalah dalil yang batil.
- d. Mazhab ibn Hazm dalam soal ini adalah mazhab yang batil kerana fatwanya adalah bertentangan dengan hadith Nabi SAW. Ibnu Hazm telah menulis di dalam kitabnya *Al-Muhalla* jil. 2 hal. 9 bahwa orang yang meninggalkan solat dengan sengaja tidak perlu mengganti solat yang ditinggalkannya secara sengaja.

وَمَا مِنْ تَعْمِدَ تَرْكُ الصَّلَاةِ حَتَّىٰ خَرَجَ وَقْتُهَا فَهُنَّا لَا يَقْدِرُ عَلَىٰ قَضَائِهَا أَبَدًا ، فَلِيَكُثُرَ مِنْ فَعْلِ الْخَيْرِ  
وَصَلَاةُ التَّطْوِعِ لِيَنْقُلَ مِيزَانَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلِيَتَبَرَّأَ وَلِيَسْتَغْفِرَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ

*Maksudnya: Orang yang sengaja meninggalkan solat hingga keluar dari waktunya, maka tidak diambil kira Qada'nya itu selamanya. Maka dia mesti memperbanyak amal kebaikan dan solat sunat untuk meringankan timbangan amal buruknya di hari kiamat, lalu dia bertaubat dan meminta ampun kepada Allah SWT (Ibn Hazm, tt:9)*

(2) Dinukilkhan daripada Ibn Qudamah Al-Maqdisi yang merupakan ulama' dalam mazhab Hanabilah di dalam kitabnya *Al-Mugni* jil. 2 hal. 158 sebagaimana berikut:

وَلَا نَعْلَمُ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ خَلَافًا فِي أَنَّ تَارِكَ الصَّلَاةِ يُحِبُّ عَلَيْهِ قَضَاؤُهَا

*Maksudnya: Kami tidak mengetahui dalam kalangan umat Islam sebarang perselisihan (telah bersepakat para ulama') bahawa orang yang meninggalkan solat dengan sengaja hendaklah di Qada' (Ibn Qudamah, tt:158)*

(3) Al-Nawawi menuliskan di dalam kitabnya *Al-Majmu' Syarah Al-Muhadzdzab* jil. 3 hal. 68 sebagai berikut :

فقال النووي: من لزمه صلاة ففاته، لزمه قضاها، سواء فاتت بعذر أو بغیره، فإن كان فواتها بعذر  
كان قضاها على التراخي، ويستحب أن يقضيها على الفور

*Maksudnya: Orang yang wajib atasnya solat namun melewatkannya, maka wajib ke atasnya untuk mengantikannya semula sama ada terlewat karena uzur syari'e atau sengaja. Bila terlewat kerana uzur, maka boleh mengqada'nya dengan ditunda tetapi menyegerakannya adalah sunat (Al-Nawawi, tt:68)*

(4) Al-Qarafi yang merupakan salah satu tokoh ulama besar dalam mazhab Al-Malikiyah menuliskan di dalamnya kitabnya *Adz-Dzakhirah* jil. 2 hal. 380 sebagai berikut :

الفصل الأول : في القضاء . وهو واجب في كل مفروضة لم تفعل

*Maksudnya: Pasal pertama tentang Qada'. Mengqada' hukumnya wajib atas solat yang belum dikerjakan (Al-Qarafi,tt:380).*

(5) Ibnu Najim yang merupakan salah satu ulama mazhab Al-Hanafiyah menuliskan dalam kitabnya *Al-Bahru Ar-Raiq Syarah Kanzu Ad-Daqaiq* jil. 2 hal. 86 sebagai berikut :

قضاء الفائتة فالاصل فيه أن كل صلاة فاتت عن الوقت بعد ثبوت وجوها فيه فإنه يلزم قضاها  
سواء تركها عمداً أو سهواً أو بسبب نوم وسواء كانت الفوائد كثيرة أو قليلة

*Maksudnya: Bahawa setiap solat yang terlewat dari waktunya setelah datang kewajipannya, maka wajib untuk diqada' sama ada meninggalkannya dengan sengaja atau uzur seperti terlupa atau tertidur berserta jumlah solat yang ditinggalkan itu banyak atau sedikit (Ibn Najim, tt:86)*

(6) Al-Nawawi menulis dalam kitabnya *Syarah an-Nawawi 'ala-l Muslim* jil. 3 hal. 308 tentang kewajipan Qada' Solat seperti berikut:

حاصل المذهب : أنه إذا فاتته فريضة وجب قضاها ، وإن فاتت بعذر استحب قضاها على الفور  
ويجوز التأخير على الصحيح

*Maksudnya: Bahwasanya apabila tertinggal satu solat fardhu, maka wajib menggantikannya (Qada'). Sekiranya tertinggal solat karena uzur, maka disunatkan mengqada'nya secepat mungkin sekalipun boleh mengakhirkan Qada' menurut pendapat yang sahih (Al-Nawawi, tt: 308).*

(7) Ibnu Taimiyah yang merupakan ulama' dalam mazhab Al-Hanabilah menulis di dalam kitabnya *Syarah Umdatul Fiqhi* jil. 1 hal. 240 menegaskan bahawa mengqada' solat itu wajib hukumnya sekalipun jumlahnya banyak.

فإن كثرت عليه الفوائت وجب عليه أن يقضيها بحيث لا يشق عليه في نفسه أو أهله أو ماله

*Maksudnya: Bila solat yang terlewat itu banyak jumlahnya, maka wajib ke atas pelakunya untuk mengqada'nya selama tidak memberatkan dirinya, keluarganya atau hartanya (Ibn Taimiyah, tt :240)*

(8) Ibnu Qayyim Al-Jauziyah yang juga merupakan ulama' dalam mazhab Al-Hanabilah menuliskan di dalam kitabnya *Ash-Shalatu wa Ahkamu Tarikuha* jil. 1 hal. 68 sebagai berikut :

وأما الصلوات الخمس فقد ثبت بالنص والإجماع أن المعدور بالنوم والنسيان وغيبة العقل يصلحها إذا  
زال عذرها

*Maksudnya: Adapun solat lima waktu yang telah ditetapkan dengan nas dan ijma' bahawa orang yang mengalami uzur seperti tidur, lupa atau gila, maka wajib mengerjakannya apabila uzurnya sudah hilang (Ibn Qayyim, tt:68).*

## KESIMPULAN

Ringkasnya, kewajipan menggantikan semula solat-solat yang telah ditinggalkan adalah berdasarkan kepada keterangan hadith Rasulullah SAW yang mewajibkan *Qada'* terhadap orang-orang yang tertidur dan terlupa dari menunaikan solat. Oleh itu, tidaklah berdosa jika dilihat pada perbuatan tidur semata-mata kerana

keharusan berbuat demikian pada waktu yang diharuskan sebagaimana yang dikehendaki dalam hadith. Tetapi jika tidur atas helah meninggalkan solat, maka perbuatan tersebut tidak diragui boleh membawa kepada dosa. Begitu juga tidak diragui akan menyebabkan dosa sekiranya seseorang itu tidur dalam ruang waktu solat yang sempit kerana tidur tersebut akan menghalang ia dari menunaikan solat. Kesimpulan daripada huraian tentang maksud hadith di atas menunjukkan bahawa meninggalkan solat atas sebab-sebab yang diharuskan syara' seperti tertidur dan lupa tidaklah berdosa kerana tidak dianggap sebagai kecuaian. Sebaliknya jika solat ditinggalkan dengan sengaja seperti malas dan lainnya, maka perbuatan tersebut dikira berdosa sebab meninggalkan solat dalam keadaan sedar dan ia merupakan satu kecuaian. Oleh yang demikian, secara *mantuqnya* (tersurat) bahawa orang yang meninggalkan solat dengan tidak sengaja disebabkan uzur Syar'ie seperti tertidur dan lupa tetap diwajibkan menggantikan solatnya yang luput maka secara *mahfumnya* (tersirat) orang yang meninggalkan solat dengan sengaja lebih patut lagi untuk menggantikan semula solat-solat yang terluput berbanding orang-orang yang meninggalkan solat disebabkan terlupa atau tertidur. Selain itu, seseorang yang meninggalkan solat hendaklah segera bertaubat kepada Allah SWT serta merasa berdosa dan bersalah di atas keterlanjurannya meninggalkan solat Fardhu dengan sengaja agar *Qada'* yang dikerjakannya itu akan dapat memberi kebaikan kepada dirinya serta diampuni oleh Allah SWT akan dosa-dosanya serta amalannya akan diterima di sisi Allah SWT di dunia dan di akhirat.

## RUJUKAN

- Abdullah Basmeih (2010). *Tafsir Pimpinan Ar- Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Edisi 14. Kuala Lumpur : Darul Fikri.
- Abdullah Muhammad al-Basmih (2000). *Mastika Hadith Rasulullah*. c.6. j.2. Terbitan Bahagian Hal-Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri.
- Al-andalusi,Ibn Hazmi (tt). *Al-Muhalla*. j.2. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- 'Asqalani, Ibn Hajar (1997). *Fathul Bari, penjelasan Kitab Sahih al Bukhari (terjemahan)*. c.1. Jakarta : Pustaka Azzam. Ditahqiqkan oleh Syeikh Abdul Aziz Abdullah bin Baz.
- Bukhari al-Ju'fi, Imam Hafidz Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin al-Bardazbah (2001). *Shahih Bukhari*. j.1. Kaherah, Darul Manar.
- Hilmi Ismail (2010). *Pengamalan Solat Fardhu di kalangan Mahasiswa di TATI University College (TATiTUC) Kemaman Terengganu*. Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hanafi Mohamed, Drs. (2006). *Hukuman Meninggalkan Sembahyang*. c.8. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Ibn Qudamah, A. M. (1968). *al-Mughni*. Cairo, Egypt, Maktabah al-Qahirah.
- Ibn Najim, Zainuddin bin Ibrahim bin Muhammad (tt). *Al-Bahru Ar-Raiq Syarah*

- Kanzu Ad-Daqaiq. Jil. 2.C.2. Mesir: Dar Al-Kutub Islami  
Ibn Taimiyah, Taqiyuddin Abu Al-Abbas Ahmad bin Abdul Halim bin Abd Al-salam bin Abdullah (1997). *Syarah Umdatul Fiqhi*. Jil.1 .C.1. Riyadh: Dar Al-A'simah.
- Jawziyyah, Imam Syamsuddin Muhammad Abi Bakr Ibn al-Qayyim (1998). *Al-Solah wa Hukmu Tarikuha*. c.2. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Jawziyyah, Imam Syamsuddin Muhammad Abi Bakr Ibn al-Qayyim (2006). *Rahsia Solat dan Hukum Meninggalkannya*. (Terjemahan dari Kitabus Solah Wa Hukmu Tarikuha oleh Amir Hamzah Fakhruddin & Drs.Kamaluddin Sa'diatul Haramaini) c.1. Selangor: Pustaka Dini.
- Khurasani an-Nasaei, Imam Hafidz Abdul Rahman Ahmad bin Syuaib bin Ali, (2003). *Sunan An-Nasaei*, c.2. j. 1. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Mohd Suhardi Mat Jusoh (2004). *Pengabaian Solat Fardhu di kalangan Remaja : Kajian di Sekolah Menengah di Sekitar Daerah Pasir Puteh, Kelantan*. Disertasi Universiti Malaya. Kuala Lumpur : Perpustakaan Universiti Malaya.
- Mustafa al-Khin et. al, Dr. (April 2004). *Al-Fiqh al-Manhaji (terjemahan)*. c. 3. j.1.Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Nawawi, Abi Zakariyya Bin Syaraf (t.t). *Kitab Al- Majmu ' Syarah Muhadzab*. j. 1. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Nawawi, Abi Zakariyya Syaraf (1994). *Syarah Sahih Muslim (Terjemahan)*. Pentahqiq: 'Isham Ash-Shababithi et. al. j.2. c.1.Jakarta: Dar al-Mustaqim.
- Qazraini, Imam Hafidz Abi Abdillah Muhammad bin Yazid (1998). *Sunan Ibn Majah*.c.1. j.1. Kaherah: Dar al- Hadith.
- Qarafi, Abu Abbas Shihabuddin Ahmad bin Idris bin Abdul Rahman Al-Maliki (1994). *Al- Dzakhira*.j.2. c.1.Berut: Dar Al-Gharbi Al-Islami.
- Qursyi al-Damsyiqi, al-Hafiz Abi al-Fida' Ismail Ibn Kathir ( t.t ) *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*. ( Ditahqiq oleh Muhammad Ali as-Sobuni ) j.2. Kaherah : Dar al-Sobuni
- Qusyairi al-Naisaburi, Imam Abu Muslim bin al-Hujjaj (1995). *Shahih Muslim*. j. 9. Beirut: Dar al- Kutub al-Ilmiyyah
- Sajastani al-Azdi, Imam Hafidz Abi Daud Sulaiman Ibn -Asy'as (1995). *Sunan Abi Daud*. j. 1. Beirut, Lubnan: Maktabah al-Asriyah.
- Syaukani, Imam Muhammad bin 'Ali (2003). *Nailul Author Syarh Muntaqal akhbar min ahadith sayyidil akhyar*. j.1.c.2. Mansoura: Dar al-Wafa'
- Tirmizi, Abu 'Isa Muhammad 'Isa bin Saurah (t.t). *Jami' al-Tirmizi*. Arab Saudi: Bait al-Afkar al- Dauliyyah